

Gah!

Gaya Hidup • Artistik • Hiburan

Gerak silat secara beramai

MENYUNTUK KESEGERAN:

Sekumpulan anak muda menubuhkan Aliran Bebas yang membuat persembahan tidak terhad pada satu gerak silat, malah menerapkan gerak binatang seperti gerak monyet atau ular dan gerak sasaran seperti tumbuk dan tendang. — Foto TUKIMAN WARJI



Aliran Bebas terapkan kesegaran dalam persembahan dengan iringan lagu kontemporari

► NURMAYA ALIAS
nurmaya@sph.com.sg

BERLAINAN daripada persembahan silat yang sering dilihat di majlis perkahwinan, sekumpulan anak muda bak menari dengan gerak silat yang rancak, mengikut tempo lagu kontemporari *Asmaradana*.

Bagi merancakkan lagi persembahan silat, dua anak muda kelihatan menyampaikan silat ganda.

Persembahan silat menarik itu ialah hasil ciptaan Aliran Bebas, sebuah kumpulan baru yang dianggotai atlit silat tetapi memberi tumpuan pada silat seni.

Terdiri daripada sekitar 20 anggota lama dan baru pasukan Politeknik Nanyang (NYP) Silat, Aliran Bebas ditubuhkan selepas persembahan silat yang disampaikan mereka di dua majlis perkahwinan teman terdekat disebarkan di media sosial pada Februari lalu.

Diilhamkan daripada *flash mob* atau aksi spontan secara beramai-ramai, mereka menghasilkan persembahan silat secara beramai-ramai.

Kumpulan, Cik Nur Hidayah Artifin, 24 tahun, juga jurulatih NYP Silat, setiap anggota sebenarnya atlit silat yang pernah terlibat dalam silat olaraga.

Namun, ada alumni NYP Silat ingin terus berkecimpung dalam seni silat kerana rasa rindu selepas tamat pengajian.

“Dengan adanya Aliran Bebas, kami sekarang-kurangnya masih dapat berlatih dan memperingkatkan kemahiran bersama-sama, dapat mengeratkan persahabatan kami dan masih boleh melakukan persembahan silat,” kata seorang lagi anggota, Enck Jumali Maruni, 25 tahun, juga jurulatih NYP Silat.

Di kalangan anggota kumpulan tersebut, ada yang telah mumpuni seni silat sejak usia lima tahun dan ada yang baru diperkenalkan kepada silat semasa di politeknik.

Enck Muhammad Hazmi Ismin, 25 tahun, jurulatih kumpulan Aliran Bebas, berharap kumpulannya dapat mengekalkan warisan dan tradisi budaya Melayu.

“Persembahan Aliran Bebas masih berassaskan gerak silat tetapi kami cuba menerapkan kesegaran dengan menggunakan lagu kontemporari seperti *Asmaradana* dan *Mentera Semeleh Padi*,” kata Enck Hazmi.

Sejak persembahan silat Aliran Bebas disebarkan menerusi klip video di laman siber, mereka mendapat sambutan menggalakkan.

Kumpulan tersebut telah tampil di episod kelima rancangan sembang *Show Malam Ini*.

Mereka juga mendapat undangan menyertai acara maulid dan perjumpaan Hari Raya yang bakal berlangsung.

Malah, Cik Nur Hidayah juga telah mendapat pertanyaan daripada seorang warga Malaysia.

Menjelaskan tentang gerak silat yang digunakan dalam persembahan sekitar lima munt, Enck Jumali berkata:

“Selari dengan nama kumpulan Aliran Bebas, kami tidak terhad pada satu gerak silat.

“Oleh itu, gerakan kami bebas dalam persembahan tetapi kami menerapkan gerak binatang seperti gerak monyet atau ular dan gerak sasaran seperti tumbuk dan tendang.”

Persembahan mereka turut merangkumi silat solo, silat ganda dan silat masal.

Kata Enck Jumali lagi, mereka juga mematuhi pantang larang semasa menyampaikan persembahan silat bagi pesangan pengantin.

“Misalnya, kami tidak akan tumbuk atau tendang semasa menghidapi pengantin, jelas be-liau.

Mereka tidak memfikan per-nah menerima kritikan yang meng-angap persembahan mereka se-bagai terlalu moden.

Kritikan tersebut tidak mema-tahkan semangat mereka.

“Dengan adanya kritikan, sekurang-kurangnya kami tahu ba-hawa masih ada yang mempedu-ni-kan seni tradisi.

“Malamat kami ialah sekadar memutuskan persembahan silat se-mi kerana minat,” kata Enck Jumali.